

TEKS UCAPAN

YB TUAN BARU BIAN

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

SUNGKEI BERSAMA YB TUAN BARU BIAN

MENTERI KEMENTERIAN KERJA RAYA

27 MEI 2019 (ISNIN)

6.30 PETANG

BILIK CEMPAKA, ARAS 6, BLOK A

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih Tuan Pengacara Majlis.

YB Tuan Hj. Mohd Anuar bin Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Rakan-rakan media yang diraikan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Baharu

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kerana kita semua dapat bersama-sama bersungkei di hari yang sangat bermakna bagi saya. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada petang ini istimewa kepada semua rakan-rakan media yang telah banyak membantu dan menyokong usaha-usaha Kementerian Kerja Raya selama ini, terutama sepanjang satu tahun kementerian ini di bawah kerajaan Malaysia Baharu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada tuan puan semua di atas liputan dan hebahan berita setiap kali saya membuat pemakluman berkaitan dengan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan oleh

Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di bawahnya. Ini merupakan tahun pertama saya menjalankan amanah sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi kementerian ini dan saya percaya, tanpa bantuan dan sokongan tuan puan semua, amat sukar bagi saya untuk menyampaikan maklumat, terutama kepada masyarakat, tentang dasar-dasar serta program-program yang kementerian ini telah lakukan, demi kesejahteraan rakyat.

2. Sungkei bermaksud berbuka puasa dalam bahasa Melayu Sarawak. Jika di Sarawak, amalan bersungkei ini bukan hanya di hayati oleh orang islam sebagai amalan agama, tetapi ia juga sering menjadi sesi untuk berbuka puasa dan makan bersama-sama rakan-rakan berbilang bangsa dan agama dalam suasana yang muhibbah. Ia juga menjadi acara yang sering di tunggu-tunggu setiap tahun, kerana kebiasaannya semasa bulan Ramadhan, pelbagai juadah dan makanan yang jarang ada di kedai dan pasar, dapat diperolehi di pasar Ramadhan. Suasana kemeriahan dan muhibbah ini saya rasa amatlah perlu kita pertahan dan kekalkan. Jangan kita mudah percaya dengan pelbagai hasutan yang boleh memecahkan keharmonian yang telah kita bina sekian lama dan saya percaya di era Malaysia Baharu, perkara ini akan kita pelihara dan pertahankan.
3. Kementerian Kerja Raya akan sentiasa memastikan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat sebagai salah satu agenda utama. Pelbagai projek infra berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat sedang dan akan dilaksanakan, antaranya Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE), Projek Central Spine Road (CSR), Sarawak Sabah Link Road dan lain-lain lagi. Saya amat berbesar

hati agar rakan-rakan media semua akan terus membantu dan menyokong usaha kerajaan ini dalam memberikan liputan dan makluman yang tepat dan menyeluruh kepada rakyat.

4. Tidak lama lagi Ramadhan akan sampai ke penghujungnya dan Aidilfitri pula akan menjelang tiba. Di musim perayaan ini, saya percaya ramai yang akan pulang ke kampung halaman untuk bersama dengan orang yang tersayang. Harapan saya kepada semua pengguna jalan raya, sila pastikan keselamatan diri dan pengguna lain sebagai perkara utama semasa memandu di jalan raya. Jangan lah kita pentingkan diri dan mengabaikan aspek keselamatan semasa di jalan raya yang mungkin akan mengundang kemalangan. Jangan jadikan sabutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini diisi dengan tangisan pemergian orang tersayang akibat kemalangan jalan raya. Kita semua mampu mengelakkan tragedi jika kita sentiasa mengambil berat dengan keselamatan diri kita dan orang lain di jalan raya.

5. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada majlis bersungkei kita pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang akan meraikannya tidak lama lagi. Semoga kerjasama kita semua akan lebih erat lagi dan bersama-sama kita jadikan kerahmatan bulan Ramadhan dan kemeriahan sambutan hari Raya Aidilfitri pada tahun ini satu kenangan yang terindah.

Sekian,